

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
(SHAH ALAM)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.11.2015

Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah yang berlaku dengan modal RM10 juta yang diluluskan oleh Dewan ini bagi penubuhan syarikat AES Solution Sdn Bhd.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memperincikan kaedah terbaik bagi memastikan proses pengambil alihan AES daripada ATES Sdn Bhd (ATES) dan Beta Tegap Sdn Bhd (Beta) dilaksanakan dengan telus dan berhemah melalui proses *financial and legal due diligence*. Ini termasuk menubuhkan syarikat milik penuh Menteri

Kewangan Diperbadankan (MKD), AES Solutions Sdn Bhd (AESSB) yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 5 Disember 2013.

Setelah diteliti dan diperincikan dengan lebih mendalam terutamanya dari segi implikasi kewangan kepada Kerajaan, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) telah mempertimbangkan cadangan bagi mengambil alih pemilikan saham dalam ATES dan Beta daripada pemegang saham asal kedua-dua syarikat berkenaan. Ini juga selaras dengan kehendak rakyat supaya AES dimiliki dan dioperasikan oleh Kerajaan.

Setelah meneliti dan mempertimbangkan cadangan berkenaan, LTAT telah bersetuju untuk mengambil alih keseluruhan pemilikan dan operasi AES daripada pemilik asal ATES dan Beta. Pengambil alihan berkenaan turut dilaksanakan melalui proses *due diligence* yang telus. Susulan dari itu, LTAT telah pun menandatangani perjanjian jual dan beli dengan pemilik asal kedua-dua syarikat berkenaan pada 27 Februari 2015. Kos yang ditanggung oleh LTAT bagi mengambil alih AES adalah sebanyak RM295 juta bagi ATES dan RM260 juta bagi Beta di mana ia tidak melibatkan peruntukan langsung daripada Kerajaan. Kini, LTAT melalui

syarikat milik penuhnya Irat Properties Sdn Bhd adalah pemilik baru ATES dan Beta.

Walau bagaimanapun, perbincangan mengenai urusan niaga berkenaan masih diteruskan diantara Kerajaan dengan LTAT.